

info

usahawan

issue
1/21


nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon
musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA





DIN

USAHAWAN OKU BERJIWA KENTAL

Afidah Osman¹, Farihana Abdul Razak¹, Iza Faradiba Mohd Patel²

¹Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak, Kampus Tapah, Perak

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak.



Menceburi bidang perniagaan mempunyai risiko yang tersendiri dan sekiranya tersalah langkah boleh membawa kepada kecundang, kekecewaan dan kerugian. Namun begitu, semangat kental yang ditunjukkan oleh seorang bapa tunggal berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) bernama Nasiruddin bin Osoman akan diketengahkan di dalam penulisan ini dengan berkongsi mengenai cerita beliau sebagai seorang usahawan OKU. Ia juga selaras dengan pengenalan konsep UiTM kini iaitu 'Jom Cakna OKU'.

OKU ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya, 2008).

Bergelar OKU pada era ini bukanlah suatu perkara yang mudah kerana berdepan dengan pelbagai cabaran dari setiap sudut sekali gus memerlukan golongan ini melengkapkan diri mereka dengan penguasaan ilmu, kemahiran, jati diri, pemikiran dan komunikasi. Tanpa

persediaan rapi yang khusus dan jitu, dikhuatiri golongan OKU ini mudah gagal.

Nasiruddin bin Osoman (yang dikenali sebagai 'Din') merupakan seorang bapa dan suami yang menjalani kehidupan bahagia bersama isteri dan anak lelakinya sebelum beliau terlibat dengan kemalangan jalanraya yang menukar statusnya daripada seorang yang normal kepada OKU. Semenjak itu, Din menghadapi keadaan yang memerlukan untuk berhadapan dengan situasi yang berbeza. Keadaannya teruji apabila isteri tercinta memilih untuk berpisah dengannya. Namun begitu, Din tetap bangkit dari kehidupannya dan tidak pernah berputus asa. Berkat sokongan serta doa ahli keluarga dan rakan-rakan, Din menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Demi memperoleh pengalaman dalam selok-belok dunia perniagaan, Din memberanikan diri membuat parang dengan berbekalkan modal bantuan ahli keluarga dan rakan-rakan. Memang diakui akan timbul masalah untuk berniaga, namun sebelum memulakan perniagaan ini lagi beliau sudah memikirkan segala-galanya.

Berkongsi mengenai perniagaanya, idea memulakan perniagaan tersebut timbul selepas mendapat maklumat berkenaan selok belok perniagaan parang daripada kumpulan whatsapp seni kayu dan batu Malaysia, kumpulan whatsapp seni pisau dan parang serta kumpulan whatsapp membeli senjata traditional Malaya. Bengkel parang Din terletak di tepi rumahnya sahaja. Pada peringkat awal, beliau membuat beberapa parang sebagai contoh untuk tujuan promosi. Beliau kemudian mempromosikan parangnya melalui ruangan Facebook dan whatsapp peribadi beliau sendiri. Hasil promosi tersebut, beliau mula mendapat tempahan. Apabila menerima tempahan, beliau akan berinteraksi dengan pelanggan untuk bertanya tentang kegunaan parang yang bakal dibuatnya itu. Ini kerana bahan kayu, tembaga, logam serta besi yang digunakan adalah berbeza mengikut kategori kegunaan parang. Interaksi dengan pelanggan amat penting dan dititikberatkan bagi memastikan pelanggan benar-benar berpuashati dengan kualiti serta harga parang yang ditawarkan. Din begitu mengambil berat dan mementingkan kualiti hasil kerjanya. Beliau memberi jaminan lima tahun untuk parang yang dihasilkan.

Kayu Juha, Kayu Akasia, Besi dan Temin adalah antara bahan asas yang diperlukan dalam pembuatan parang. Penggunaan kayu yang berbeza akan menghasilkan corak hulu dan sarung parang yang berbeza. Bahagian bilah parang pula diperbuat daripada besi. Manakala temin adalah bahan yang digunakan untuk menyambung parang dan hulunya. Temin lazimnya diperbuat daripada tembaga atau tanduk.

Din bukan sahaja membuat bilah parang, tetapi beliau mampu menghasilkan sarung dan hulu yang sangat cantik mengikut kehendak pelanggannya.

Kesimpulannya, mempelajari kemahiran baru dapat mengubah hidup seseorang untuk menjadi seorang usahawan. Peranan ahli keluarga dan sahabat adalah penting dalam mengiringi seseorang OKU untuk memulakan kerjaya baharu mereka sebagai usahawan.